



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Perlis  
Kampus Arau

# Buletin InTouch

@ UiTM Cawangan Perlis

Edisi:  
2022

## Mendukung Misi GRU2025

Fokus Utama Amanat Rektor  
UiTM Cawangan Perlis Bagi  
Tahun 2022

### Menarik di dalam



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kerjasama  
Bersama Korea Sports Promotion Foundation  
(KSPO) Korea Selatan



Program Hari Hutan Sedunia (21 Mac),  
Hari Air Sedunia (22 Mac) dan Ulang Tahun  
Penubuhan Trash Hero Perlis Yang Ke-3



UiTM Cawangan Perlis Jalin Kongsi  
Kepakaran Kepada Komuniti  
Orang Asli Melalui ESKOM  
2022



Majlis Menandatangani Memorandum  
Perjanjian (MoA) Antara Universiti  
Teknologi MARA (UiTM) Dengan  
Universitas Gajah Mada (UGM)  
Indonesia



## Suara Kreatif Madani: Menyemarakkan Bakat dan Sentuhan Kreativiti

Oleh:  
Ustazah Nadiyah Hashim  
Ustazah Jamaliah Aurani


RIG SuKMa atau nama penuh Suara Kreatif Madani dicetusnya idea penubuhannya pada November 2020. Penubuhannya adalah untuk menyelak sisi kreativiti dan suara dalam yang mungkin tidak pernah diserlahkan kerana kesibukan dunia akademik warga UiTM. Bertepatan dengan tahun pandemik, luahan karya kreatif antara salah satu yang boleh mengubat keresahan. Maka terbitlah projek penulisan kreatif tiga buah penulisan di bawah selenggaraan RIG SuKMa iaitu Antologi Puisi Rencah Rasa Kampus, Antologi Cerpen Rencah Rasa Pandemik dan Antologi Anekdote/Memoir UiTM di Hatiku. Ia telah dilancarkan pada 25 Februari 2021 dengan dirasmikan oleh Prof Madya Ts. Dr. Shukur Sanim Mohd Fauzi selaku Timbalan Rektor Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, UiTM Perlis pada waktu itu (kini beliau ialah Rektor UiTM Perlis). Walaupun tempoh hanya dalam dua bulan sahaja, tetapi penyertaan amat memberangsangkan dan menggalakkan dari seluruh kampus UiTM tanah air tidak terhad di UiTM Perlis sahaja. Antologi Puisi menerima 79 karya, Antologi Anekdote/ Memoir menerima 55 karya dan Antologi Cerpen menerima 20 cerpen.

RIG SuKMa telah mendapat kerjasama yang amat baik daripada Penerbit UiTM yang sudi menerima karya-karya ini untuk diterbitkan secepat mungkin. Namun perancangan untuk dicetak pada tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan pandemik. Syukur, akhirnya dua buah antologi berjaya dicetak dan diedarkan pada Julai 2022. Harapan daripada pihak kami selaku penganjur, diharapkan semoga lebih ramai penyertaan untuk projek SUKMA seterusnya. Akhirnya ucapan penghargaan kepada barisan pimpinan pengurusan UiTM Perlis dan UiTM Press yang sentiasa membantu dan menyokong dalam menjayakan projek penerbitan ini.

Kulit Buku Antologi Puisi



Kulit Buku Antologi Cerpen



Kulit Buku Antologi Anekdote